



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MUZIK DALAM
KONTEKS SILANG BUDAYA DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN
CINA KURANG MURID***

WOO XUEMI

FEM 2018 48



**PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MUZIK DALAM
KONTEKS SILANG BUDAYA DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN
CINA KURANG MURID**

Oleh

WOO XUEMI

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Mac 2018

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MUZIK DALAM
KONTEKS SILANG BUDAYA DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN
CINA KURANG MURID**

Oleh

WOO XUEMI

Mac 2018

Pengerusi: Chan Cheong Jan, D.Lit
Fakulti: Ekologi Manusia

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dinamik silang budaya yang terkandung dalam satu kes kejadian sosial di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Yoke Hwa, Pekan, Pahang. SJKCYH merupakan sebuah sekolah aliran Cina yang mengalami masalah kurang murid dan kini dihadiri oleh murid yang berlatar belakang Melayu. Objektif utama kajian ini adalah untuk menyediakan satu etnografi yang berasaskan pendekatan pedagogi kritikal dan memberikan kefahaman secara mendalam mengenai proses pengajaran dan pembelajaran muzik dalam suasana sekolah yang silang budaya. Dari segi kerangka konsep, ia memfokuskan interaksi insan dan penghasilan (semula) pengetahuan.

Seramai lapan orang murid telah dipilih sebagai informan untuk kajian ini. Informasi dikumpul melalui pemerhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, aktiviti sekolah yang meliputi perayaan, persembahan dan pertandingan, dan juga lawatan ke rumah; dan dicatat dalam bentuk nota lapangan dan rakaman video. Pengkaji juga mengumpul maklumat daripada aktiviti yang dijalankan di sekolah, persembahan dan pertandingan yang disertai oleh murid. Aspek yang diberikan tumpuan termasuk proses interaksi insan yang meliputi tingkah laku sosial, verbal, dan muzikal, suasana dalam sekolah, serta teks dan bahan yang digunakan.

Dapatan kajian menunjukkan terwujud interaksi pelbagai hala dan juga pelbagai hubungan serta interaksi sesama murid adalah aktif. Mereka memerlukan bantuan antara ahli untuk menterjemahkan sesuatu perkataan atau ayat. Tahap kelesaan dan perasaan kepunyaan pelajar yang pelbagai disebabkan oleh situasi sosial majmuk yang berubah-ubah. Proses penghasilan (semula) pengetahuan pula melibatkan pengetahuan implisit seperti nilai, budaya dan identiti dan eksplisit seperti pola ton Bahasa Cina, struktur muzik lagu Bahasa Cina dan sebutan Bahasa Cina yang telah

dihasilkan melalui pelbagai situasi atau aktiviti di sekolah. Dari segi implikasi kajian, pelajar memperoleh kompetensi budaya yang tinggi kerana mereka belajar satu budaya yang berlainan daripada budaya asal mereka. Murid juga memperoleh satu identiti baru yang berbeza samada dengan murid Melayu atau Cina di sekolah lain. Kajian lanjutan boleh memfokuskan kes pembelajaran silang budaya yang lain seperti proses pembelajaran murid berlatar belakang Cina dalam sebuah sekolah kebangsaan di Malaysia



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Master of Science

**TEACHING AND LEARNING MUSIC IN CROSS-CULTURAL CONTEXT
OF NATIONAL-TYPE CHINESE PRIMARY SCHOOL WITH
LOW ENROLLMENT PUPILS**

By

WOO XUEMI

March 2018

Chair: Chan Cheong Jan, D. Lit
Faculty: Human Ecology

This research is aimed at examining the cross-cultural dynamics that are embedded in a case of social incidence at Yoke Hwa National-Type Chinese School (Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Yoke Hwa), Pekan, Pahang. SJKCYH is a national-type Chinese school that faces problem of low enrollment and is currently attended by students with Malay background. The main objective of this research is to provide an ethnographic writing based on the approach of critical pedagogy and to produce a deeper understanding towards the process of teaching and learning of music situated in a cross-cultural school environment. In terms of conceptual framework, it focuses on individual interaction and (re) production of knowledge.

Eight students were chosen as informants for this research. Information was collected through observation of teaching and learning in classroom, school activities that include celebrations, performances and competitions, as well as home visits; and was documented in the forms of field notes and video recordings. Aspects focused include interaction process that involves social, verbal, and musical behaviour, the atmosphere in school, as well as texts and materials used.

Research findings show that multi-directional interactions occurred and interactions among students were active. They needed assistance from peers to help translate certain words, phrases or sentences. The level of comfort and sense of belonging of students varied due to the plural social situations that is ever changing. The process of knowledge (re)production involves implicit knowledge such as values, culture and identity, and explicit knowledge such as tonal patterns of Chinese language, music structure of Chinese songs, and pronunciation of Chinese which were produced through various situations or activities in school. As for implications of research, students acquired high cultural competency as they learn a new culture which is

totally different from their own. Students also acquired a new identity that is different from both Malay and Chinese students from other schools. Future research may focus on other cases of cross cultural learning such as the learning process of students of Chinese background in a national school in Malaysia.



PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah penyelia saya iaitu Dr. Chan Cheong Jan bagi bantuan dan bimbingan yang dihulurkan sepanjang proses dalam menyiapkan kajian ini. Tanpa tunjuk ajar yang begitu jitu dan padu daripada beliau, saya tidak dapat menyempurnakan kajian ini dalam masa yang ditetapkan.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah iaitu Dr Loo Fung Chiat atas cadangan dan komen yang telah diberikan dalam menyempurnakan kajian. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada kakitangan Jabatan Muzik yang selalu memberikan bantuan kepada saya dalam semua aspek.

Tidak lupa juga untuk mengucapkan terima kasih kepada senior dan rakan-rakan dalam memberikan saya bimbingan dan dorongan, motivasi di samping idea-idea yang bernas dan juga mana-mana pihak yang mungkin terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang saya menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga atas dorongan dan sokongan yang berterusan dalam kehidupan saya terutamanya semasa kajian Master saya dijalankan.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Chan Cheong Jan, D. Lit

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Loo Fung Chiat, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Woo Xuemi (GS39047)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan Chan Cheong Jan, D. Lit

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan Loo Fung Chiat, PhD

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI GAMBAR	xv
SENARAI SKOR MUZIK	xvi
SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	xvii
SENARAI PERKATAAN BAHASA CINA	xviii
BAB	
1	
PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Signifikan Kajian	9
1.5 Batasan Kajian	9
1.6 Latar Belakang SJK(C) Yoke Hwa, Pekan	9
1.7 Definisi Istilah	17
1.8 Organisasi Tesis	19
2	
KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	21
2.2 Konsep Utama Pedagogi Kritikal	21
2.3 Etnografi dalam Pendidikan	22
2.4 Teori-teori Penyesuaian Budaya	23
2.5 Kajian Lepas yang Berkaitan Silang Budaya	26
3	
METODOLOGI	
3.1 Pendahuluan	31
3.2 Kerangka Konseptual	31
3.3 Lapang	34
3.4 Profil Informan	35
3.4.1 Nazatul	36
3.4.2 Huda	36
3.4.3 Amir, Alisya, Hanaf	37
3.4.4 Izul	38
3.4.5 Nurbila	39
3.4.6 Arul	39
3.5 Suasana di Rumah Murid	40
3.5.1 Rumah Amir, Alisya, Hanaf	41

	3.5.2	Rumah Nazatul	43
	3.5.3	Rumah Izul	44
	3.6	Budaya Keluarga Murid SJKCYH	45
	3.7	Skema Pemerhatian	46
	3.8	Pengumpulan Data	46
	3.9	Analisis Data	47
4	Interaksi Insan		
	4.1	Pengenalan	49
	4.2	Perasaan Murid	51
	4.2.1	Tekanan Pada Permulaan Persekolahan	52
	4.2.2	Motivasi Belajar	53
	4.2.3	Penghargaan	55
	4.3	Strategi Daya Tindak	56
	4.3.1	Sokongan Sebaya	57
	4.3.2	Interaksi Secara Tidak Rasmi	58
	4.3.3	Muzik, Gerakan dan Alat Muzik	58
	4.3.4	Jurang Budaya	59
	4.4	Nilai	62
	4.4.1	Penghasilan Nilai	62
	4.4.2	Penghasilan Semula Nilai	64
	4.4.3	Masalah Persekolahan	65
	4.5	Pembudayaan (Adat Resam Cina)	66
	4.5.1	Pesta Ang Pow	67
	4.5.2	Perayaan Duan Wu dan Pesta Tanglung	70
	4.6	Penutup	73
5	PENGHASILAN SEMULA MUZIK		
	5.1	Pengenalan	74
	5.2	Emik Lagu Bahasa Cina	75
	5.2.1	Penyesuaian Terhadap Nyanyian Xiao Mao Lu	77
	5.2.2	Penyesuaian Terhadap Lagu "Mo Li Hua"	79
	5.3	Sebutan	81
	5.3.1	Penyesuaian Terhadap Lagu "Wai Po De Peng Hu Wan"	82
	5.3.2	Penyesuaian Terhadap Lagu "Chuan Deng"	85
	5.4	Persembahan Sebagai Cabaran Budaya	87
	5.4.1	Pertandingan Nyanyian Solo	87
	5.4.2	Pertandingan Solo "Xing Fu De Lian"	88
	5.4.3	Sajak Beriringan Muzik "Yin Wei Ni, Lao Shi"	89
	5.5	Pembentukan Identiti	90

5.5.1	Identiti Berkumpulan	90
5.5.2	Pembudayaan Secara Holistik	91
5.5.3	Kes-kes Pembudayaan yang Berjaya	93
5.6	Penutup	94
6	KESIMPULAN	
6.1	Pengenalan	96
6.2	Kesimpulan Kajian	97
6.3	Implikasi Kajian	101
6.4	Cadangan Kajian Lanjutan	104
	BIBLIOGRAFI	105
	LAMPIRAN	110
	BIODATA PELAJAR	113

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.1	Peruntukan masa bagi setiap mata pelajaran dalam seminggu pengajaran mengikut tahap	13
5.1	Skrip sajak “ <i>yin we ini, lao shi</i> ”	89



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.1	Pelan SJKC Yoke Hwa	11
3.1	Kerangka konseptual	31
4.1	Aspek penyesuaian budaya dan tahap interaksi yang terlibat dalam pembelajaran muzik silang budaya di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	50
5.1	Peranan muzik dan pembelajaran silang budaya	74
5.2	Ciri-ciri nyanyian lagu Bahasa Cina yang memberi cabaran silang budaya	76

SENARAI GAMBAR

Gambar		Halaman
1.1	Suasana semasa Hari Kokurikulum	14
1.2	Suasana semasa merentas desa dan Hari Sukan	15
1.3	Pepatah yang terdapat dalam sekolah	17
4.1	Emel daripada Amir kepada pengkaji	56
4.2	Suasana sambutan Hari Raya Aidilfitri sekolah	61
4.3	Suasana semas aktiviti membuat tanglung	68
4.4	Keratan akhbar yang menunjukkan aktiviti " <i>lao sang</i> "	69
4.5	Murid-murid sedang membuat kuih tradisional	69
4.6	Suasana semasa aktiviti " <i>chui mei</i> "	70
4.7	Bentuk " <i>zong zi</i> "	71
4.8	Aktiviti semasa sambutan Pesta Tanglung	73

SENARAI SKOR MUZIK

Skor		Halaman
5.1	Xiao Mao Lu	77
5.2	Mo Li Hua	79
5.3	Wai Po De Peng Hu Wan	83
5.4	Chuan Deng	85



SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

SKM	Sekolah Kurang Murid
SJKCYH	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Yoke Hwa
SK	Sekolah Kebangsaan
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SKMSB	Sekolah Kurang Murid Silang Budaya
SJKSB	Sekolah Jenis Kebangsaan Silang Budaya
LPS	Lembaga Pengerusi Sekolah
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
SPBT	Skim Pinjaman Buku Teks
PSS	Program Susu Sekolah
RMT	Rancangan Makanan Tambahan
KWAPM	Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin
GPK HEM	Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
UMP	Universiti Malaysia Pahang
SES	Status Ekonomi Sosial

SENARAI PERKATAAN BAHASA CINA

Pinyin	Tulisan Cina	Bahasa	Maksud
Ba ba	爸爸		Ayah
Bai lang	白浪		Ombak putih
Bu chi xia wen	不耻下问		Jangan malu bertanya
Chi bao le	吃饱了		Sudah makan
Chi le shen me	吃了什么		Makan apa?
Chi bao le ma	吃饱了吗		Adakah kamu sudah makan?
Chui mei	吹梅		Meniup bunga Mei
Duan wu jie	端午节		Perayaan Duan Wu
Di di	弟弟		Adik lelaki
Duo du hua yu shu	多读华语书		Banyakkan membaca buku Bahasa Cina
Duo wen xi lao shi suo jiao de	多温习老师所教的		Ulangkaji apa yang telah diajarkan oleh cikgu
Dian nao	电脑		Komputer
Fen xiang	分享		Perkongsian
Ge ge	哥哥		Abang
Hai lang	海浪		Ombak laut
Hao ma	好吗		Baik atau tidak
Huo dao lao, xue dao lao	活到老, 学到老		Belajar sehingga tua
Jia you	加油		Berusaha
Jie jie	姐姐		Kakak
Jin ri shi, jin ri bi	今日事, 今日毕		Kerja hari ini perlu disiapkan pada hari ini
Lao sang	捞生		Perbuatan menggaulkan ikan mentah, sayur dan sos.
Lao shi zao an	老师早安		Selamat pagi, cikgu
Lao shi, zhe ge tu hua mei ma	老师, 这个图画美吗		Cikgu, cantik tak lukisan ?
Ma ma	妈妈		Ibu
Mei hua	梅花		Bunga Mei
Mei mei bei zhe yang wa wa	妹妹背着洋娃娃		Adik membawa anak patung
Ming bai ma	明白吗		Faham atau tidak
Mo li hua	茉莉花		Bunga Jasmine

Ni men yao duo nu li	你们要多努力	Kamu harus banyak berusaha
Nian nian you yu	年年有余	Setiap tahun ada lebih wang
Nu li	努力	Berusaha
Qin fen	勤奋	Berusaha
Qing an	请安	Ucapan selamat pagi
Qing wen wo	请问我	Bolehkah saya
Rang jin tian de zi ji sheng guo zuo tian de zi ji	让今天的自己胜过昨天的自己	Diri sendiri pada hari ini adalah lebih baik daripada semalam.
Sha tan	沙滩	Pantai
Shao zhuang bu nu li, lao da tu shang bei	少壮不努力，老大徒伤悲	Kalau tidak berusaha pada usia muda, akan menyesal pada tua nanti
Shan you shan bao	善有善报	Buat baik akan dibalas baik
Shen me	什么	Apa
Sheng bu jiao, bai bu nei	胜不骄，败不馁	Menang jangan sombong, kalah jangan putus asa
Ta xue xun mei	踏雪寻梅	Mencari bunga Mei dalam salji
Wai po	外婆	Nenek
Wan feng	晚风	Angin waktu malam
Xiao mao lu	小毛驴	Sang Keldai
Xie xie	谢谢	Terima kasih
Xie yin	谐音	Perkataan yang sama bunyi, tapi maksud berlainan
Xing fu de lian	幸福的脸	Muka bahagia
Xing si zi	形似字	Perkataan yang hampir sama bentuknya
Yao cheng jiu da shi, xian zuo hao xiao shi	要成就大事，先做好小事	Untuk lakukan tugas yang penuh cabaran, perlu melengkapkan tugas yang kecil
Yang guang	阳光	Cahaya matahari
Yi fen geng yun, yi fen shou huo	一分耕耘，一分收获	Rajin dan usaha tangga kejayaan
Yin we ini, lao shi	因为你，老师	Oleh keranamu,

Yu sheng / yee sang
Zong zi
Zun shi zhong dao

鱼生
粽子
尊师重道

cikgu
Sejenis salad ikan
Ketupat
Hormat guru,
menitikberatkan
ilmu
Menepati masa
Datang ke sekolah
tepat pada masa

Zhun shi
Zhun shi dao xue xiao

准时
准时到学校



BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang

Sistem pendidikan di Malaysia pada masa kini boleh dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat persekolahan dan pendidikan tinggi. Peringkat persekolahan terdiri daripada peringkat rendah dan menengah. Semua kanak-kanak yang berumur tujuh tahun mula masuk ke alam persekolahan dan akan belajar selama enam tahun untuk menghabiskan peringkat persekolahan rendah. Dalam sistem persekolahan di Malaysia pada masa ini, terdapat tiga jenis sekolah yang berlainan bahasa pengantar. Ibu bapa bebas memilih sama ada menghantar anak-anaknya ke sekolah yang menggunakan bahasa pengantar dalam Bahasa Melayu, Bahasa Cina atau Bahasa Tamil. Walaupun sekolah-sekolah ini menggunakan bahasa pengantar yang berbeza, tetapi kurikulum dan sukatan yang digunakan adalah sama. Sebelum menamatkan pelajaran di sekolah rendah, murid-murid akan menduduki peperiksaan UPSR (Ujian Penilaian Sekolah Rendah) untuk menilai tahap pencapaian mereka. Selepas itu, murid-murid akan meneruskan alam persekolahannya di peringkat menengah dari tingkatan satu hingga ke tingkatan lima. Murid-murid akan menduduki peperiksaan Penilaian Tingkatan 3 (PT3) dan Penilaian Tingkatan 5 (PT5), sebelum melanjutkan pendidikan mereka ke tahap pengajian tinggi.

Kajian ini merupakan satu kajian etnografi yang memfokuskan proses pembelajaran muzik sebenar yang khas, iaitu pembelajaran muzik secara silang budaya dalam konteks Sekolah Jenis Kebangsaan Cina kurang murid di Malaysia yang dilaksanakan daripada tahun 2014 hingga 2017. Dengan mengkaji situasi khas ini, kajian menyumbangkan kepada penjelasan tentang isu pembelajaran pendidikan muzik multikulturalisme di Malaysia dan juga di Asia Tenggara. Latar belakang untuk kajian ini dibentangkan di bawah dari segi pendidikan muzik multikulturalisme, sejarah dan perkembangan semasa sekolah vernakular.

Pendidikan Muzik Multikulturalisme dan Masyarakat Malaysia

Salah satu cabaran utama bagi Pendidikan Muzik di sekolah di seluruh dunia pada hari ini adalah bagaimanakah Pendidikan Muzik boleh menyumbang terhadap pembinaan insan yang berkemampuan budaya (*cultural competence*) untuk menangani perubahan masyarakat hari ini yang semakin berbilang budaya dan global. Cabaran ini biasanya dikenali sebagai isu multikulturalisme dalam Pendidikan Muzik, dan telah pun diumumkan sebagai satu agenda utama dalam Pendidikan Muzik di dunia sejak 1967 (Tanglewood Symposium) di Amerika Syarikat dan telah diulang penekanannya seperti pada tahun 2003 (ISME 2003).

Penyelidikan multikulturalisme dalam Pendidikan Muzik ini sering dilakukan oleh penyelidik-penyelidik di negara maju dan berasaskan konteks masyarakat mereka seperti di negara Eropah, Amerika Syarikat, Australia, Jepun dan juga di Korea. Adalah pelik wacana akademik dan penyelidikan tentang multikulturalisme dalam pendidikan muzik ini jarang diterajui di negara-negara Asia Tenggara walaupun rantau ini mempunyai sejarah gerakan manusia dan juga populasi yang kepelbagaian budayanya begitu tinggi tahapnya. Kepelbagaian budaya di negara-negara Asia Tenggara mempunyai corak pencampuran budaya yang amat berbeza dengan negara-negara barat, Jepun dan Korea. Hal ini memerlukan wacana akademik dan penyelidikan tentang multikulturalisme dalam pendidikan muzik yang tersendiri untuk rantau ini.

Di Malaysia, bukan sahaja masyarakat rakyatnya adalah berbilang kaum, perkembangan sejarah politik negara ini telah mewujudkan satu situasi pendidikan yang amat kompleks dari segi penggunaan bahasa dan latar belakang budaya. Pelaksanaan pendidikan muzik di sekolah awam di Malaysia sudah tentu mempunyai banyak masalah berkenaan dengan silang budaya (*cross cultural*) yang perlu diatasi. Ini disebabkan oleh latar belakang pelajar yang berbeza-beza dalam satu kelas. Sebagai contoh, bagaimanakah lagu-lagu Melayu dapat diajar secara berkesan kepada satu kelas yang majoriti pelajarnya hidup dalam suasana Bahasa Cina sahaja? Bagaimana pula teori-teori muzik klasikal barat dapat diterangkan secara berkesan terhadap pelajar-pelajar tempatan yang kehidupan harian mereka langsung tiada kaitan dengan budaya klasikal barat? Jelas bahawa interaksi antara budaya berlaku setiap hari dalam alam pendidikan sekolah di Malaysia dan corak interaksi ini jarang atau tidak sama sekali dikaji.

Sejarah Perkembangan Sistem Pendidikan Vernakular

Sistem pendidikan sekolah di Malaysia mula dirangka pada tahun 1950an. Sistem pendidikan pada masa itu menghadapi isu penggunaan bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran disebabkan oleh kehendak masyarakat yang berbilang kaum dan berbilang bahasa. Perubahan utama dalam sejarah perkembangan sistem pendidikan di Malaysia telah menunjukkan usaha-usaha kerajaan ke arah menyelaraskan bahasa penghantar kepada satu bahasa iaitu Bahasa Melayu di Malaysia. Namun, ini telah mendapat penentangan yang kuat daripada golongan masyarakat yang ingin mengekalkan bahasa ibunda mereka sebagai bahasa penghantar dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru itu, perkembangan sistem pendidikan di Malaysia adalah rumit, di mana sekolah-sekolah vernakular juga dikekalkan dalam satu sistem pendidikan negara. Terdapat tiga jenis laporan penting iaitu Laporan Barnes 1950, Laporan Fenn-Wu 1951 dan Ordinan Pelajaran 1952 yang merupakan asas dalam sejarah pendidikan sebelum kemerdekaan.

Laporan Barnes disediakan pada tahun 1950 oleh L.J. Barnes. Laporan Barnes mencadangkan bahawa sekolah vernakular yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar harus dihapuskan. Laporan Barnes juga mengesyorkan sekolah dwibahasa diadakan iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu sebagai

bahasa pengantar. Seterusnya, sekolah-sekolah Melayu, Cina dan Tamil ditukarkan kepada sekolah kebangsaan secara beransur-ansur.

Pada tahun 1951, satu jawatankuasa Fenn telah ditubuhkan untuk mengkaji dan menilai semula Laporan Barnes 1950 dan dipimpin oleh Dr Fenn dan Dr Wu atas reaksi atau perasaan ketidakpuasan hati masyarakat Cina yang menganggap Laporan Barnes bertujuan untuk menghapuskan Bahasa Cina dan kebudayaan Cina. Dr. Fenn merupakan Setiausaha Kerja Bersekutu Negara China manakala Profesor Dr. Wu Teh Yao merupakan ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Ordinan Pelajaran 1952 telah ditubuhkan oleh Kerajaan British dengan tujuan untuk mengkaji cadangan dua laporan sebelum ini iaitu Laporan Barnes (1950) dan Laporan Fenn-Wu (1952) serta mencari jalan penyelesaian yang terbaik. Walau bagaimanapun, disebabkan menghadapi masalah kewangan dan darurat, Ordinan Pelajaran 1952 tidak dapat dilaksanakan.

Pada tahun 1956, Penyata Razak diwujudkan apabila Parti Perikatan mencapai kemenangan dalam pilihan raya. Laporan Penyata Razak bertujuan untuk mengeratkan perpaduan antara tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India. Terdapat beberapa cadangan yang telah disyorkan dalam laporan ini. Antaranya ialah Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar di sekolah. Seterusnya, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dijadikan mata pelajaran wajib di semua sekolah rendah dan sekolah menengah dan semua sekolah menggunakan sukatan yang sama. Selepas Penyata Razak 1956, sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan di bawah pimpinan Abdul Rahman Talib yang bertujuan untuk menyemak semula cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam Laporan Razak (1956) dan menyelidik cara-cara bagi mewujudkan satu sistem pendidikan kebangsaan. Semua calon mesti lulus dalam peperiksaan awam yang dijalankan dalam Bahasa Melayu sebelum memasuki sekolah menengah. Selain itu, kelas peralihan telah diwujudkan bagi murid dari SJK(C) dan SJK(T) yang ingin bertukar ke sekolah menengah aliran Melayu atau Inggeris. Peluang pendidikan secara automatik selama 11 tahun telah disediakan iaitu 6 tahun di sekolah rendah dan 3 tahun di sekolah menengah rendah serta 2 tahun di sekolah menengah atas. Pelajaran percuma diberikan kepada semua sekolah rendah dan menengah tanpa mengira bahasa pengantarnya.

Perkembangan Semasa Sekolah Vernakular di Malaysia

Sekolah vernakular merupakan sekolah yang menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Di Malaysia, terdapat dua jenis aliran sekolah iaitu aliran Cina (Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, SJKC) dan aliran Tamil (Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, SJKT). Dalam dua jenis aliran ini dan sekolah kebangsaan (SK) yang bahasa penghantarnya ialah Bahasa Melayu, masing-masing telah menghadapi satu masalah iaitu enrolmen murid di sekolah adalah kurang daripada 150 orang. Sekolah jenis ini dikenali sebagai sekolah

kurang murid (SKM). Terdapat beberapa ciri SKM dan antaranya ialah terletak di luar bandar atau kawasan-kawasan terpencil yang bilangan penduduk setempat adalah tidak ramai. Seterusnya, sesebuah SKM akan mengamalkan pengajaran kelas bercantum sekiranya menghadapi masalah kekurangan guru dan murid di sekolah. Kelas bercantum ini diwujudkan apabila enrolmen murid dalam tahun persekolahan adalah kurang daripada 15 orang dan bilangan tersebut tidak mencukupi untuk membentuk sebuah kelas biasa. Jadi, ia adalah perkara biasa di SKM sekiranya pelaksanaan mengajar sebuah kelas yang mengandungi lebih daripada satu tahun persekolahan atau dikenali sebagai kelas bercantum. Murid-murid Tahun 1 dan Tahun 6 tidak akan dicantumkan dengan kelas lain kerana Tahun 1 yang baru memasuki alam persekolahan memerlukan perhatian dan layanan yang lebih daripada guru manakala Tahun 6 memerlukan bimbingan dan latihan lebih bagi menghadapi Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Kebiasaannya, SKM ini bukan sahaja kekurangan guru terlatih, malahan menghadapi masalah kekurangan peruntukan dan infrastruktur.

Menurut Timbalan Menteri Pendidikan, YB Senator Datuk Chong Sin Woon, dalam e-Nan Yang menyatakan bahawa sekolah kurang murid bukan sahaja wujud di SJKC, malah semua aliran sekolah dan bilangan SKM Sekolah Kebangsaan adalah dua kali ganda Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Menurut beliau, bilangan SKM bagi SJKC dan SK masing-masing adalah sebanyak 400 buah dan 1200 buah.

Keadaan Spesifik dari Mana Kajian Ini Dibentukkan

Sekolah vernakular merupakan satu produk yang unik dalam sistem pendidikan Malaysia. Perbincangan mengenai sekolah vernakular selama ini menjurus kepada pengutamaan bahasa dalam pengajaran. Namun, pendidikan vernakular juga merupakan satu platform untuk menyampaikan budaya dan nilai-nilai sesuatu masyarakat di sebalik bahasa pengantarnya. Aspek impak budaya pendidikan vernakular ini jarang dibincang dan dikaji. Situasi sebenar yang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah vernakular setiap hari merupakan senario yang menarik untuk mengkaji corak komunikasi secara multikulturalisme atau silang budaya antara guru dengan murid. Pembelajaran silang budaya makin menjadi penting bukan sahaja di SJKC tetapi di semua jenis sekolah di Malaysia kerana makin ramai ibu bapa menghantar anak mereka untuk belajar di sekolah yang menggunakan bahasa pengajaran yang bukan bahasa ibunda mereka.

Untuk mencerminkan situasi silang budaya yang kompleks di sekolah, berikut adalah diari lapangan (*field diary*) saya mengenai senario di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Yoke Hwa, Pekan.

“Setelah berada di sekolah baru ini selama 6 bulan, saya mendapati murid-murid di sekolah ini tidak fasih dalam Bahasa Cina. Walaupun sekolah ini merupakan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang menggunakan Bahasa Cina

sebagai bahasa pengantar, tetapi murid-murid di sekolah ini masih tidak dapat berkomunikasi dengan menggunakan Bahasa Cina.

Apabila dipostingkan ke sekolah ini pada tahun 2013, saya berasa terkejut dengan keadaan sekolah yang hanya merangkumi 13 orang murid yang berbangsa Melayu. Purata jumlah murid setiap kelas adalah 3 hingga 4 orang. Lokasi sekolah ini berada di luar bandar dan berdekatan dengan pantai.

Setelah selama 6 bulan di sana, saya memerhati murid dan mendapati mereka mampu belajar Bahasa Cina dengan cepat sekiranya menggunakan pergerakan dalam nyanyian. Hal ini dapat dilihat dengan jelas apabila saya melatih murid untuk pertandingan mendeklamasi sajak dan menyanyi dalam Bahasa Cina di mana murid dapat menghafal sajak dan lirik lagu dengan cepat apabila guru menggunakan pergerakan.

Mulai tahun 2014, saya mula mengajar subjek Pendidikan Muzik dan saya mengaplikasikan unsur pergerakan dalam setiap aktiviti muzik terutamanya yang berkaitan dengan menyanyi. Daripada kelas muzik, didapati murid dapat mempelajari sesebuah lagu kanak-kanak dalam Bahasa Cina dengan baik. Namun, mereka kelihatan aktif semasa belajar muzik berbanding dengan mata pelajaran lain.”

Keadaan atau situasi di atas merupakan sekolah saya iaitu SJKCYH. SJKCYH merupakan sekolah aliran Cina tetapi murid yang belajar di sekolah ini adalah murid Melayu. Tambahan pula, enrolmen murid di sekolah ini adalah kurang daripada 30 orang murid. Jadi, ini telah menyebabkan SJKCYH menjadi sebuah sekolah aliran Cina yang unik. Situasi ini dikatakan unik kerana murid Melayu belajar di sekolah aliran Cina yang menggunakan Bahasa Cina sepenuhnya sama ada dalam pengajaran atau penggunaan buku teks. Murid-murid perlu belajar sesuatu bahasa baru yang mereka langsung tidak mempunyai pengetahuan sedia ada mengenainya. Disebabkan mereka berada di sekolah aliran Cina, jadi mereka dikehendaki menggunakan Bahasa Cina dalam pergaulan mereka walaupun berkomunikasi dengan rakan sebaya yang sama kaum dengan mereka.

Mengikut data yang dikumpul, didapati majoriti bapa mereka bekerja sebagai nelayan manakala ibu sebagai suri rumah tangga. Kebanyakan daripada mereka adalah dari SES iaitu sosial ekonomi status yang rendah.

Semasa mengajar dalam kelas, guru terpaksa menggunakan dwibahasa iaitu Bahasa Cina dan Bahasa Malaysia supaya murid-murid boleh memahami topik yang diajar. Guru perlu mengajar dalam Bahasa Cina terlebih dahulu, kemudian menterjemahkan dalam Bahasa Malaysia. Oleh hal yang demikian, guru yang mengajar akan menggunakan masa yang panjang untuk menghabiskan satu topik.

Selain itu, murid-murid juga akan menjadi pasif apabila mata pelajaran seperti Bahasa Cina, Matematik, Sains yang menggunakan Bahasa Cina sebagai medium mengajar. Kadang kala murid-murid memahami soalan guru, tetapi menghadapi masalah apabila ingin menjawabnya dalam Bahasa Cina. Mereka akan tergagap-gagap dalam memberikan jawapan. Dalam hal ini, Pendidikan muzik didapati berpotensi untuk membantu seseorang murid dalam meningkatkan penguasaan bahasa yang bukan bahasa ibunda mereka.

1.2 Pernyataan Masalah

Pelaksanaan Pendidikan Muzik di Malaysia jarang dikaji secara kualitatif. Antara topik yang kurang diberi penumpuan adalah implikasi sosial dan budaya sesebuah sekolah semasa kurikulum dilaksanakan, dan juga pengalaman yang dialami oleh seseorang guru dan pelajar dalam suasana sekolah yang tertentu di Malaysia. Kebanyakan penyelidikan dalam pendidikan menjurus kepada pencapaian dan cara penyampaian sesuatu mata pelajaran. Pengalaman tidak dijadikan satu topik kajian dalam pendidikan walaupun pengalaman seseorang guru dan pelajar itu penting dalam menentukan kejayaan pelaksanaan pendidikan.

Kaedah etnografi adalah sesuai untuk mencungkil keadaan sebenar di lapangan yang kompleks di mana banyak faktor atau perkara saling berkait; dan juga untuk mengkaji sesuatu perkara secara holistik. Kaedah ini penting untuk pembelajaran silang budaya kerana ia melibatkan perasaan emosi, penguasaan kemahiran dan penglibatan sosial murid secara holistik. Seperti yang dinyatakan dalam UK Essays (2015), etnografi merupakan satu kajian yang sistematik terhadap budaya lain dengan menggunakan pemerhatian dan pemerhatian penyertaan (*participation-observant*). Howell dan Talle (2012) pula mendapati bahawa cara yang terbaik untuk mengenali satu masyarakat lain dan kebudayaannya adalah melalui cara belajar untuk hidup di dalam kehidupan mereka dan sebagai peserta yang aktif dan bukan sekadar pemerhati sahaja. Kaedah ini juga diperlukan kerana keadaan silang budaya di Pendidikan Muzik kurang diterokai, dan juga setiap keadaan di lapangan mempunyai keunikannya (*peculiarity*) yang tersendiri.

Seterusnya, Atkins dan Wallace (2012) menyatakan penulisan nota lapangan membolehkan seseorang pengkaji untuk menggabungkan berada di sana, melihat, menulis (*being, seeing, and writing*). Ini merupakan satu cara untuk mendokumentasikan pengalaman, merekodkan perubahan seseorang. Mereka juga menyediakan satu informasi yang tidak ternilai untuk penyelidik masa depan yang akan datang. Seperti yang dikatakan oleh Goody (1977), satu penulisan yang baik adalah penulisan yang berupaya untuk berkomunikasi bukan sahaja dengan orang lain, tetapi dengan diri sendiri.

Proses penghasilan (semula) pengetahuan berasaskan konseptualisasi pedagogi kritikal yang melihat sekolah itu sebagai satu masyarakat yang berupaya untuk membudayakan pengetahuan, yang mana pengetahuan ini meliputi pengetahuan yang

implisit dan juga eksplisit. SJK(C) merupakan entiti pendidikan yang bertujuan khas untuk memperkasakan bahasa dan budaya vernakular masyarakat Cina. Justeru, adalah perlu untuk meneliti persekolahan SJKC dari segi proses penghasilan (semula) pengetahuan merangkumi nilai, budaya, kemahiran sosial selain daripada pengetahuan yang disampaikan melalui buku teks. Seperti yang dinyatakan oleh Lusted (1986), pedagogi merupakan satu konsep yang penting kerana ia memberikan fokus kepada sesuatu pengetahuan itu dihasilkan. Ia membolehkan untuk bertanya soalan tentang keadaan apa atau bagaimana kita mendapat sesuatu pengetahuan tersebut. Bagi pengetahuan dihasilkan semula pula, Bernstein (1996), ia adalah sesuatu yang lebih luas daripada hubungan yang dijalankan di dalam sekolah. Tanggapannya mengenai amalan pedagogi adalah sebagai konteks sosial yang asas di mana penghasilan dan penghasilan semula budaya itu berlaku.

Kesan kekurangan kaedah dan juga hasil kajian kualitatif terhadap pelaksanaan muzik menyebabkan masalah yang berkaitan dengan pendidikan di Malaysia tidak dapat ditinjau dengan mendalam. Sejak sistem sekolah vernakular diwujudkan pada 1960an, tidak terdapat sebarang kajian yang dijalankan terhadap pelaksanaan pendidikan vernakular dari segi sosial dan budaya. Situasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah vernakular tidak didokumentasikan secara akademik dan tidak dapat ditafsir secara menyeluruh melainkan berpandukan kepada laporan dalam akbar tempatan. Contohnya, pada 19 April 2017, majalah “*dong fang*” melaporkan bahawa bekas Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Chong Sin Woon telah menyatakan mulai bulan Mei 2017, SJKC perlu mengubah cara pengajarannya bagi meningkatkan kualiti SJKC.

Dari segi penyelidikan pendidikan muzik, pendidikan muzik secara multikultural merupakan satu tema utama dalam aliran pendidikan muzik di dunia. Walaupun ia diberi perhatian sejak Tanglewood 1967 (Jones, 1980) di negara-negara barat, hasil kajian mengenai pendidikan muzik secara multikultural dan silang budaya di Asia, dan khususnya Asia Tenggara adalah kurang sekali. Dalam situasi ini, diskusi pendidikan muzik multikultural masih diketuai oleh laporan pelaksanaan di negara Barat dan kurang mencerminkan situasi sebenar di negara-negara Asia. Keadaan ini bukan sahaja melambatkan kemajuan pedagogi multikultural di sekolah-sekolah di Asia, malah ia menjejaskan kesahihan diskusi pendidikan multikultural yang belum dapat mengambil kira corak kepelbagaian budaya yang tersendiri yang ada di negara-negara Asia, khususnya Asia Tenggara yang merupakan tempat pertempuran ratusan budaya dalam sejarah ataupun pada masa kini.

Dengan mengambil kira masalah yang diuraikan di atas, soalan kajian untuk tesis ini dibentuk seperti berikut.

- Apakah corak interaksi insan dan interaksi muzikal yang berlaku dalam pengajaran muzik dalam suasana sekolah silang budaya yang dapat diperhatikan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina kurang murid? Apakah proses “penghasilan dan penghasilan semula pengetahuan”(production and reproduction of knowledge) yang terlibat

dalam pengajaran muzik dalam suasana sekolah silang budaya di SJK(C) kurang murid?

1.3 Objektif Kajian

Disebabkan majoriti murid-murid yang belajar di sekolah Cina ini adalah murid berbangsa Melayu, jadi SJKCYH dijadikan satu kes khas yang mewakili SJK(C) kurang murid yang lain di Malaysia. Kes ini merupakan satu keadaan yang lebih kompleks berbanding dengan sekolah kebangsaan dan juga SJKC yang biasa iaitu “SKM yang berpelajar silang budaya” atau didefinisikan sebagai sekolah kurang murid silang budaya. SKMSB ini adalah satu kejadian sosial dalam sistem pendidikan Malaysia pada kebelakangan ini yang memaparkan situasi silang budaya yang paling tegang. Walaupun SJKCYH ini menghadapi masalah dalam mengajar murid-murid yang berbangsa Melayu, tetapi objektif kajian ini bukan untuk mencari penyelesaian bagi masalah yang dihadapi di SKMSB, sebaliknya sebagai satu peluang yang ada untuk mengkaji dinamik silang budaya yang terkandung dalam kes kejadian sosial yang unik ini.

Menurut konsep pedagogi kritikal, kajian ini melihat sekolah itu sebagai satu lapang, interaksi antara pelbagai pihak berlaku di sekeliling seseorang murid. Konteks silang budaya, dalam literatur silang budaya, merujuk kepada pengalaman seseorang menjelajahi persekitaran sosial asing yang baru. Ini menepati konteks kajian ini iaitu murid Melayu mengikuti persekolahan aliran Cina. Dalam literatur, persekitaran host (*host country*) merujuk kepada budaya, bahasa, penduduk dan pekerja di persekitaran yang asing ini. SJKCH walaupun mempunyai seorang murid Cina sahaja, ini tidak mengubah hakikat persekitaran sosial sekolah SJKC yang terdiri daripada kurikulum, pengajaran, aktiviti sekolah yang semuanya dijalankan dalam bahasa Cina. Ratio yang rendah antara guru dengan murid juga memberi justifikasi kepada konteks silang budaya ini. Kajian ini tidak menghadkan kepada interaksi tertentu, tetapi melihat sekolah itu sebagai satu masyarakat. Ia meliputi interaksi guru-murid, murid antara murid, guru-murid-lembaga sekolah, dan juga interaksi dengan pihak luar sekolah.

Objektif utama kajian ini adalah untuk menyediakan satu penulisan etnografi yang boleh memberikan kefahaman yang mendalam dan menyeluruh mengenai proses pengajaran pembelajaran muzik dalam konteks silang budaya dengan memfokuskan kepada SJK(C) Yoke Hwa Pekan. Secara spesifiknya ia,

1. Mengkaji corak interaksi insan dan interaksi muzikal yang berlaku dalam proses pengajaran muzik dalam konteks silang budaya.
2. Mengkaji proses penghasilan dan penghasilan semula pengetahuan (*production & reproduction of knowledge*) yang terlibat dalam pengajaran muzik.

1.4 Signifikan Kajian

Dapatan kajian ini boleh menyumbang kepada penjelasan dinamik interaksi insan dan interaksi muzikal dalam konteks silang budaya. Selain itu, kajian ini juga menyumbang kepada penjelasan mengenai realiti sosial di Malaysia semasa yang berkaitan dengan pendidikan umum, terutamanya realiti yang ada di padang (*on the ground*). Ini adalah satu sumber yang berharga yang tidak dapat dibekalkan melalui penyelidikan “*survey*” atau statistik dan juga tidak terdapat dalam perbincangan di media yang sering memainkan isu perkauman. Pendidikan Muzik juga boleh difahami sebagai satu nilai budaya yang “baru” kepada pelajar iaitu satu sistem nilai yang memupuk kerajinan dan mengikut peraturan. Kes kajian ini merupakan satu jukstaposisi situasi sosial di mana tanggapan pusat-pinggir digulingkan. Dalam situasi luar biasa sebegini, muzik menjadi satu alat yang berkesan dalam menterjemahkan bahasa dan nilai budaya kepada penutur bukan asli.

Sumbangan tesis ini adalah lebih kepada penjelasan tentang proses pembelajaran silang budaya yang akan membantu dalam pembentukan pedagogi dan polisi pendidikan yang lain secara menyeluruh dan bukannya semata-mata untuk sekolah yang dikaji. Ini juga bermaksud, pada satu hari nanti, ada kemungkinan SJKSB mungkin tidak akan wujud dalam keadaan yang serupa dengan masa sekarang, namun pengetahuan yang diperolehi daripada kajian ini terus menjadi satu sumber yang bernilai untuk perkembangan pedagogi multikulturalisme.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan sebuah sekolah sahaja, dan tidak melibatkan sekolah lain di daerah Pekan. Selain itu, kajian ini juga lebih memfokuskan pada subjek Pendidikan Muzik, tidak meliputi subjek lain. Informan yang terlibat dalam kajian adalah dipilih oleh pengkaji dan tidak melibatkan semua murid dalam sekolah. Walaupun pergerakan dan permainan alat perkusi merupakan elemen yang penting dalam pembelajaran muzik di sekolah rendah, kajian ini tidak meliputi huraian mengenai perkara tersebut kerana ia tidak berkaitan secara terus dengan isu silang budaya. Tambahan pula, walaupun pertandingan syarahan dalam Bahasa Cina amat berkait dengan pembelajaran silang budaya, ia juga tidak dimasukkan dalam tesis ini kerana skop yang hanya berfokuskan kepada pengajaran dan pembelajaran muzik.


1.6 Latar Belakang Kajian

SJK(C) Yoke Hwa (SJKCYH) terletak di Kuala Pahang, Pekan iaitu kira-kira 13km dari Bandar Pekan dan lokasinya adalah di luar bandar. Sekolah ini berhampiran dengan laut dan persekitarannya adalah taman perumahan. SJKCYH didirikan pada tahun 1955 dan dirasmikan pada bulan Oktober. SJKCYH didirikan disebabkan pada masa itu, ramai penduduk Cina yang menduduki di Kuala Pahang. Pada masa itu, enrolmen murid adalah dalam lingkungan 120 hingga 160 orang. Semua murid yang

belajar di SJKCYH pada tahun 1955 adalah 100% berbangsa Cina. Tetapi dari tahun ke tahun, enrolmen murid semakin menurun dan majoriti murid yang belajar di sekolah ini adalah berbangsa Melayu terutamanya mulai tahun 2005. Pada tahun 2013, enrolmen murid turun sehingga ke 13 orang murid sahaja dan pada tahun 2015, enrolmen murid adalah 19 orang. 18 daripada 19 orang murid adalah berbangsa Melayu.

Pada tahun 2009, bangunan baru dua tingkat telah didirikan. Murid-murid dapat belajar dalam keadaan yang lebih kondusif berbanding dengan bangunan lama yang merupakan bangunan kayu dengan ruangan kelas yang sempit. Walau bagaimanapun, terdapat dua kelas terpaksa berkongsi satu kelas disebabkan bilangan kelas yang didirikan di bangunan baru ini adalah lima buah sahaja. Justeru, pihak sekolah mencantumkan dua kelas yang bilangan muridnya adalah lebih kurang untuk digabungkan dalam satu kelas. Dua kelas tersebut dipisahkan dengan meletakkan papan putih atau almari yang besar di tengah kelas. Bilangan guru pada tahun 2015 adalah seramai 11 orang dan kebanyakan adalah berasal dari negeri lain seperti Perlis, Kelantan, Kedah, Johor dan Melaka. SJKCYH merupakan penempatan yang pertama ditempatkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi guru-guru yang berasal dari negeri lain. Antara 11 orang guru, 9 orang guru adalah berbangsa Cina dan hanya 2 orang guru berbangsa Melayu. Antara 11 orang guru ini, terdapat 2 orang guru yang beropsyen Bahasa Cina, 2 orang guru beropsyen pemulihan, seorang guru beropsyen Pendidikan Muzik, seorang guru beropsyen Sains dan seorang guru beropsyen Bahasa Melayu. Tetapi, apabila mengajar, guru kadang-kadang terpaksa mengajar subjek yang bukan opsyennya. Walaupun bukan semua guru beropsyen Bahasa Cina, tetapi guru dapat menggunakan pedagogi pengajaran yang berlainan untuk mengajar murid.

SJKCYH telah ditubuhkan pada tahun 1955 dan sehingga tahun 2015, SJKCYH telah diketuai oleh lebih kurang 30 orang Guru Besar. Setiap orang Guru Besar membimbing SJKCYH adalah kira-kira 2-3 tahun. Pada masa kini, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah diketuai oleh seorang pemilik kedai runcit berdekatan dan juga bekas murid SJKCYH. Manakala bagi Lembaga Pengelola Sekolah (LPS), diketuai oleh Dato Yeo Boon Geok yang telah pun memegang jawatan tersebut selama 30 tahun sehingga sekarang. Dalam 30 tahun ini, beliau telah melihat banyak perubahan yang berlaku pada sekolah ini daripada enrolmen murid, pertukaran Guru Besar yang terlalu kerap dan pertukaran guru. Menurut beliau, pertukaran Guru Besar yang terlalu kerap menyebabkan guru mengambil masa untuk menyesuaikan diri dengan Guru Besar baru. Walaupun sekolah ini kecil dan terletak di kawasan pedalaman, tetapi sekolah ini dikatakan dikenali oleh orang ramai disebabkan dengan situasi yang unik di SJKCYH dan juga wartawan yang melaporkan aktiviti yang dijalankan di sekolah di surat khabar. Jadi, secara tidak langsung, orang ramai pun mengenali SJKCYH. Berikut merupakan pelan sekolah.



Rajah 1.1: Pelan SJKC Yoke Hwa

Aktiviti tahunan yang dijalankan adalah seperti Pesta Tahun Baru Cina, Perayaan Duan Wu, Pesta Tanglung, Sambutan Hari Raya Aidilfitri, Hari Sukan, Hari Kokurikulum, Hari Kanak-kanak dan Hari Penyampaian Hadiah. Selain daripada sambutan ini, pertandingan peringkat sekolah juga diadakan. Pertandingan adalah seperti pertandingan bercerita dalam Bahasa Cina, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, pertandingan kuiz Matematik, pertandingan menyanyi dalam Bahasa Cina, pertandingan menulis kaligrafi, pertandingan menulis karangan dan membina ayat Bahasa Cina, pertandingan mewarna dan melukis. Setiap pertandingan ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu tahap satu yang merangkumi tahun satu, dua dan tiga manakala tahap dua pula merangkumi tahun empat, lima dan enam. Guru akan menjadi pengadil bagi setiap pertandingan dan akan memilih tiga orang pemenang bagi setiap kategori. Biasanya, pertandingan ini akan diadakan di dewan sekolah kecuali Hari Sukan. Aktiviti yang dijalankan di padang kecil sekolah adalah semasa Hari Sukan.

Kebiasaannya, murid-murid akan berada di dalam kelas semasa waktu belajar kecuali apabila guru ingin menjalankan kelas di luar bilik darjah. Kadang-kadang, guru akan membawa murid ke pusat sumber, dewan, bilik komputer atau di bawah pokok. Tempat di bawah pokok ini mempunyai meja dan kerusi. Jadi, kadang-kala guru agama atau guru pemulihan akan membawa murid belajar di sana pada waktu pagi. Jikalau terdapat guru yang menggantikan kelas, guru tersebut akan membawa murid-murid ke pusat sumber supaya mereka dapat membuat Projek Nilam. Projek Nilam adalah satu projek yang memerlukan murid membaca buku sama ada dalam Bahasa Cina, Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu dan membuat satu laporan ringkas terhadap buku yang telah dibaca.

Apabila masa rehat, murid-murid akan pergi ke kantin untuk makan. Selain itu, SJKCYH juga dilengkapi dengan kemudahan makmal komputer pada tahun 2013. Sebanyak 12 buah komputer telah diterima oleh pihak sekolah dari kerajaan. Sejak tahun itu, murid-murid didedahkan dengan ilmu atau kemahiran asas menggunakan komputer. Seterusnya, SJKCYH tidak mempunyai kantin yang menyediakan makanan kepada murid-murid. Makanan yang dimakan oleh murid setiap hari waktu rehat adalah Rancangan Makanan Tambahan (RMT) yang disediakan oleh pengusaha RMT. Peruntukan harian untuk seorang murid adalah RM2.50 dan akan dibayar oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Menu makanan adalah mengikut menu yang telah ditetapkan. Pengusaha RMT dikehendaki mengikut menu untuk menyediakan makanan.

Bagi aktiviti kokurikulum pula, sekolah mengadakan kokurikulum pada hari Selasa, Rabu dan Khamis. Aktiviti dimulakan dengan satu jam kelas tambahan yang meliputi dua subjek, iaitu satu subjek 30 minit. Subjek-subjek bagi kelas tambahan adalah Bahasa Cina, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Kelas tambahan ini melibatkan semua orang murid dari tahun satu hingga tahun enam manakala aktiviti kokurikulum hanya melibatkan murid dari tahun tiga hingga tahun enam. Selepas satu jam, aktiviti diteruskan dengan kokurikulum yang merangkumi persatuan atau kelab, badan beruniform dan sukan. Pihak sekolah telah menetapkan kokurikulum pada hari Selasa adalah persatuan atau kelab diikuti dengan hari Rabu adalah badan beruniform dan sukan atau olahraga pada hari Khamis. Terdapat dua atau tiga orang guru yang akan menjadi guru penasihat bagi persatuan atau kelab, badan beruniform dan sukan. Bagi kelab atau persatuan, pihak sekolah telah memilih Kelab Inovasi manakala Pengakap sebagai badan beruniform dan Ping Pong sebagai sukan.

Dalam bidang kurikulum pula, setiap guru wajib mengajar sekurang-kurangnya satu subjek opsyen. Jadi, setiap orang guru akan mengajar satu subjek opsyen dan yang lain adalah subjek yang elektif seperti Dunia Seni Visual, Dunia Muzik, Reka Bentuk dan Teknologi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pendidikan Jasmani, Pendidikan Kesihatan dan Sejarah. Setiap orang guru secara puratanya mengajar 27 hingga 30 waktu seminggu.

Dari aspek kurikulum pula, semua SJKC tahap satu dan tahap dua diwajibkan mempelajari subjek Bahasa Cina (BC), Bahasa Melayu (BM), Bahasa Inggeris (BI), Matematik (MT), Sains (SN), Pendidikan Kesenian (PKS), Pendidikan Jasmani (PJ), Pendidikan Kesihatan (PK), Pendidikan Islam (PI) / Pendidikan Moral (PM). Subjek tambahan bagi tahap dua adalah seperti Sejarah, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dan Reka Bentuk Teknologi (RBT). Peruntukan masa bagi setiap mata pelajaran dalam seminggu (Isnin ke Jumaat) adalah seperti berikut.

Jadual 1.1: Peruntukan masa bagi setiap mata pelajaran dalam seminggu pengajaran mengikut tahap

Mata Pelajaran	Tahap Satu tahun 1,2 & 3 (Minit)	Tahap Dua tahun 4, 5 & 6 (Minit)
Bahasa Cina	360	300
Bahasa Melayu	300	270
Bahasa Inggeris	180	150
Matematik	180	180
Dunia Sains Teknologi / Sains	120	120
Pendidikan Islam / Pendidikan Moral	120	150
Pendidikan Jasmani	60	60
Pendidikan Kesihatan	30	30
Dunia Seni Visual / Pendidikan Kesenian	60	60
Teknologi Maklumat dan Komunikasi / Reka Bentuk dan Teknologi	-	60
Pendidikan Muzik	30	30
Sejarah	-	60
Perhimpunan	30	30
Jumlah Minit	1470	1500

Seterusnya, bagi aktiviti kokurikulum, murid-murid tahun 4, 5 dan 6 dibahagikan untuk mengambil bahagian dalam Kelab Muzik, Pasukan Pengakap dan Olahraga. Ketiga-tiga aktiviti kokurikulum ini dijalankan pada hari Selasa, Rabu dan Khamis selepas kelas tambahan pada pukul 2.05 petang. Aktiviti kokurikulum ini akan dijalankan selama satu jam dan berakhir pada pukul 3.05 petang. Bagi Kelab Muzik, murid-murid mempelajari teori muzik, teknik bermain perkusi, bermain alat muzik, menyanyi dan pergerakan manakala bagi Pasukan Pengakap pula, murid-murid didedahkan dengan kawad kaki, nyanyian pengakap, ikrar pengakap, mendirikan khemah, gajet yang ringkas dan mudah. Seterusnya, dalam olahraga pula, pelbagai teknik dan latihan seperti lari berganti-ganti, melontar peluru, melatih stamina murid akan dijalankan supaya murid-murid dapat mengambil bahagian dalam pertandingan olahraga nanti.

Terdapat beberapa pihak yang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sekolah. Antaranya ialah Pengerusi LPS, Pengerusi PIBG, ahli-ahli PIBG, Ketua Kampung, Setiausaha Ketua Kampung, pihak polis, para ibu bapa, wartawan dan pihak bomba. Pihak bomba dijemput apabila terdapat demonstrasi kebakaran dan taklimat kebakaran kepada warga SJKCYH.

Hari Kokurikulum

Pada 30 Oktober 2015, sekolah telah mengadakan Hari Kokurikulum yang melibatkan semua orang murid dan guru. Murid-murid dan semua guru telah dibahagikan kepada empat kumpulan dengan setiap kumpulan mempunyai 7 orang murid dan 2 atau 3 orang guru. Aktiviti yang dijalankan adalah belajar mendirikan

khemah, belajar memasak dan membuat ikatan pengakap. Murid-murid membawa bahan dan alatan memasak dari rumah. Bahan seperti hotdog, nasi masak, minyak masak dan gas masak disediakan oleh pihak sekolah. Semasa memasak, terdapat beberapa orang murid yang kelihatan kelam kabut, tetapi selepas diberi tunjuk ajar oleh ahli kumpulannya, mereka pun dapat menggoreng telur dan hotdog. Bukan itu sahaja, apabila menggoreng nasi, setiap kumpulan kelihatan bekerjasama dalam melakukan kerja. Contohnya, ada yang menyediakan bahan, memanaskan periuk, memasak, letak bahan perasa dan sebagainya. Terdapat kumpulan yang lebih kreatif berbanding dengan kumpulan lain. Contohnya, mereka akan membuat hiasan pada nasi goreng tersebut seperti membuat muka senyum dengan menggunakan sos cili. Rujuk gambar 1.1 bagi aktiviti Hari Kokurikulum.



Gambar 1.1: Suasana semasa Hari Kokurikulum

Merentas Desa dan Hari Sukan

Pada Julai 2015, sekolah telah mengadakan Hari Sukan. Hari Sukan ini bukan sahaja melibatkan semua guru dan murid, malahan ibu bapa murid juga. Walaupun bukan semua ibu bapa murid yang hadir, tetapi terdapat lebih kurang 77% ibu bapa yang menghadiri Hari Sukan. Pihak sekolah telah merancang beberapa permainan untuk para ibu bapa menglibatkan diri. Tujuan menjemput ibu bapa menglibatkan diri dalam permainan adalah untuk merapatkan silaturahim antara para ibu bapa. Selain itu, pihak sekolah juga menjemput Penghulu Kampung untuk merasmikan acara Merentas Desa. Rujuk gambar 1.2 bagi suasana merentas desa dan Hari Sukan yang melibatkan ibu bapa.



Gambar 1.2: Suasana semasa merentas desa dan Hari Sukan

Aktiviti Pendidikan Muzik di Sekolah

Pengkaji mengajar subjek Pendidikan Muzik untuk tahun 1 hingga 5 bagi Tahun 2015. Disebabkan bilangan murid yang kurang, jadi pihak sekolah membuat keputusan untuk menggabungkan kelas muzik tahun 1, 2 dan 3 supaya kelas muzik akan menjadi lebih seronok dan tidak membosankan bagi murid-murid. Oleh itu, boleh dikatakan kelas muzik di SJKCYH dibahagikan kepada dua dengan mengikut tahap iaitu tahap satu dan tahap dua. Waktu pengajaran muzik tahap satu yang merangkumi tahun 1,2 dan 3 adalah pada hari Isnin, jam 12.40 sehingga 1.40 petang. Manakala bagi tahap dua pula yang merangkumi tahun 4 dan 5 adalah pada hari Selasa, jam 12.40 sehingga 1.10 petang.

Selain itu, pengkaji juga mencadangkan kepada pihak sekolah supaya menubuhkan satu kelab muzik semasa kokurikulum. Sebelum ini, tiada kelab muzik ditubuhkan. Memandangkan murid-murid dalam sekolah ini mempunyai minat dalam bidang muzik, jadi pengkaji mencadangkan kepada pihak sekolah supaya memberi kebenaran untuk menubuhkan kelab muzik. Murid-murid yang terlibat dengan Kelab Muzik adalah murid tahun 3, 4, 5 dan 6 sahaja. Jadi, bilangan ahli Kelab Muzik hanya seramai 9 orang murid sahaja. Kelab Muzik ini akan dijalankan pada setiap hari Selasa selepas kelas tambahan iaitu pada pukul 2.10 sehingga 3.10 petang. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa Kelab Muzik adalah belajar teori muzik, meniup rekoder, menari, bermain alat perkusi, menyanyi dan sebagainya. Sekiranya terdapat persembahan untuk sambutan di peringkat sekolah, guru-guru juga mengambil masa Kelab Muzik untuk melatih murid-murid.

Seterusnya, aktiviti lain yang berkaitan dengan muzik yang dijalankan di SJKCYH adalah seperti pertandingan menyanyi peringkat sekolah. Disebabkan enrolmen murid dari tahun satu hingga tahun enam hanya seramai 18 orang murid, jadi semua murid diberikan peluang untuk menyanyi di atas pentas. Guru muzik dan guru kelas

akan melatih murid-muridnya supaya setiap murid boleh menyanyi sebuah lagu cina kanak-kanak dengan baik. Daripada pertandingan ini, guru akan memilih 2 orang murid dari tahap satu dan dua untuk mewakili sekolah ke daerah Kuantan untuk pertandingan nyanyian. Walaupun murid-murid Melayu ini tidak pernah menang dalam pertandingan nyanyian, tetapi sekurang-kurangnya penglibatan mereka ini dapat melatih keberanian mereka.

Aktiviti sekolah yang berkaitan dengan Pendidikan Muzik termasuk juga acara tarian. Pihak sekolah telah menetapkan bahawa setiap guru dan murid mesti melibatkan diri dalam senamrobik sekurang-kurangnya sebulan sekali. Senamrobik ini dijalankan di dewan sekolah dan diketuai oleh guru yang berlainan. Guru yang berkenaan akan memasang lagu dan murid-murid dan guru yang lain akan mengikut membuat pergerakan. Aktiviti senamrobik ini biasanya dijalankan pada waktu Pendidikan Jasmani selama 30 minit.

Keistimewaan Sekolah Aliran Cina

Sekolah aliran cina kebiasaannya akan meraikan beberapa perayaan di sekolah seperti Tahun Baru Cina, *Duan Wu Jie*, dan tanglung. Perayaan ini disambut di sekolah dengan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perayaan. Contohnya, menayang video untuk menerangkan sejarah perayaan, membuat tanglung menggunakan kertas angpao, membuat kuih bagi perayaan tanglung kuiz dan sebagainya. Selain daripada perayaan, nilai-nilai murni juga dipupuk dalam sekolah. Contohnya, peribahasa atau pepatah dalam Bahasa Cina digantung di kawasan sekolah atau dalam kelas untuk mengingatkan murid supaya mengamalkan nilai yang baik dalam kehidupan harian. Rujuk gambar 1.3 bagi pepatah yang terdapat di sekolah. Pepatah tersebut adalah seperti berikut:

sheng bu jiao, bai bu nei (menang jangan sombong, kalah jangan putus asa)

yao cheng jiu da shi, xian zuo hao xiao shi (untuk melakukan tugas yang penuh cabaran, perlu melengkapkan tugas yang kecil)

jin ri shi, jin ri bi (kerja hari ini perlu disiapkan pada hari ini)

rang jin tian de zi ji sheng guo zuo tian de zi ji (hari ini adalah lebih baik daripada hari sebelum)

shao zhuang bu nu li, lao da tu shang bei (kalau tidak berusaha pada usia muda, akan menyesal pada tua nanti)

shan you shan bao (buat baik akan dibalas baik)

yi fen geng yun, yi fen shou huo (rajin dan usaha tangga kejayaan)

qin fen (berusaha)



Gambar 1.3: Pepatah yang terdapat dalam sekolah

Bukan itu sahaja, bahasa penghantaran yang digunakan adalah 100% dalam Bahasa Cina. Walaupun murid yang belajar di SJKCYH adalah murid Melayu, tetapi bahasa penghantaran tetap Bahasa Cina.

Masalah Kurang Murid SJKCYH

Keadaan SJKCYH sekarang yang kurang murid ini telah mendapat tumpuan sosial di mana aktiviti-aktiviti yang disambutkan di SJKCYH oleh murid melayu ini dapat dibaca melalui keratan akhbar. Terdapat beberapa perbincangan dan perjumpaan dengan ibu bapa SJKCYH mengenai perpindahan sekolah tetapi telah dibantah oleh ibu bapa murid dan menyebabkan proses perpindahan sekolah telah pun dibatalkan.

1.7 Definisi Istilah

I) Etnografi

Sebagai satu rancangan pendidikan yang mengandungi segala ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai dan norma serta unsur kebudayaan dan kepercayaan yang menjadi pilihan masyarakat untuk diwariskan daripada generasi ke generasi yang lain.

II) Pengajaran dan pembelajaran muzik

Dalam tesis ini, pembelajaran muzik dan kebudayaan merujuk kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran muzik dan juga kebudayaan yang dijalankan di

SJKCYH sama ada dalam kelas ataupun sebagai kokurikulum. Ini meliputi kelas pendidikan muzik biasa dan juga aktiviti-aktiviti kebudayaan yang lain yang biasanya berkaitan dengan sambutan perayaan masyarakat Cina. Aktiviti yang dimaksudkan adalah seperti pengajaran kelas pendidikan muzik, nyanyian, permainan alar-alat muzik, menari, penulisan kaligrafi, bercerita, syarahan, dan mendeklamasi sajak. Kesemuanya dilaksanakan dalam Bahasa Cina.

III) Sekolah vernakular

Sekolah vernakular merujuk kepada sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa penghantar atau bahasa pengantar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Terdapat dua jenis sekolah di Malaysia iaitu sekolah aliran Cina (SJKC) dan Tamil (SJKT).

IV) Sekolah Kurang Murid (SKM)

Sekolah yang mempunyai enrolmen murid kurang daripada 150 orang akan dikategorikan sebagai Sekolah Kurang Murid. Sekolah ini biasanya terletak di kawasan-kawasan terpencil yang bilangan penduduk setempat adalah sedikit.

V) Pengajaran dan pembelajaran silang budaya

Pengajaran dan Pembelajaran Silang Budaya merujuk kepada situasi di mana seseorang murid itu perlu melangkaui ke dalam satu budaya yang baru atau asing disebabkan perbezaan yang ketara antara budaya keluarga dan budaya sekolah. Murid-murid di SJKCYH yang berlatar belakang Melayu perlu melalui proses kejutan, pelarasan dan penyesuaian budaya untuk mengikuti pengajaran di SJKC setiap hari.

VI) Budaya sekolah

Budaya sekolah, dalam tesis ini, merujuk kepada jumlah keseluruhan perlakuan atau amalan yang dilakukan atau dilaksanakan dalam sesebuah sekolah. Ia meliputi cara pentadbiran sekolah, peraturan sekolah, nilai-nilai yang ditekankan di sekolah, bahasa penghantar pengajaran, cara penyampaian pengajaran, aktiviti sekolah, perhubungan antara guru dan murid, dan sebagainya.

VII) Budaya keluarga

Budaya keluarga dalam tesis ini, merujuk kepada jumlah keseluruhan perlakuan yang dilakukan dalam sesebuah keluarga. Ia meliputi gaya dan cara kehidupan, nilai dan kepercayaan, cara dan corak komunikasi antara ahli keluarga, dan juga apa jua amalan yang ada pada sesebuah keluarga.

VIII) Pengetahuan

Dalam tesis ini, pengetahuan merujuk kepada sesuatu pengetahuan (*knowing*) yang dibentuk, dikongsi dan digunakan oleh satu komuniti atau masyarakat dan membawa makna (*meaning*). Definisi ini adalah definisi sosiologi seperti yang digunakan oleh Hall (1997), dan bukan definisi secara am seperti “ilmu pengetahuan”. Dengan erti kata lain, pengetahuan adalah sistem makna (*system of meaning*) yang dihasilkan oleh budaya (jumlah keseluruhan perlakuan) sesuatu komuniti atau masyarakat.

1.8 Organisasi Tesis

Terdapat enam bab dalam kajian ini. Bab satu adalah mengenai pernyataan masalah, objektif kajian, kesignifikan kajian, batasan kajian dan maklumat asas SJK(C) Yoke Hwa. Segala maklumat mengenai sejarah sekolah, ahli-ahli PIBG dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan akan dinyatakan dalam bab ini. Bab satu juga menceritakan aktiviti Pendidikan Muzik di sekolah.

Seterusnya, bab dua pula mengenai kajian literatur yang berkait rapat dengan kajian pengkaji. Kajian literatur yang terdapat dalam bab dua adalah seperti pedagogi kritikal, etnografi dalam pendidikan, teori-teori penyesuaian budaya dan kajian-kajian yang berkaitan dengan silang budaya.

Pada bab yang ketiga akan menerangkan metodologi yang digunakan. Ini termasuklah kerangka konseptuan kajian, lapang, informan, skema pemerhatian, cara pengumpulan data dan analisis data. Segala maklumat mengenai informan, suasana keluarga murid dan budaya keluarga murid juga akan diterangkan secara terperinci di bab ini. Kes-kes yang berlaku semasa lawatan ke rumah informan juga akan dilaporkan di dalam bab ini. Dalam bab empat pula akan membincangkan interaksi insan yang meliputi perasaan murid, strategi daya tindak serta nilai yang diperolehi dalam situasi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Yoke Hwa. Selain itu, pembudayaan yang berasaskan adat resam Cina juga akan diterangkan dalam bab ini.

Dalam bab lima, pengkaji akan membincangkan secara terperinci penghasilan dan penghasilan semula pengetahuan muzik melalui nyanyian dalam pengajaran, permainan alat perkusi dan pergerakan. Bukan itu sahaja, lagu-lagu yang diajar untuk

tujuan persembahan, pertandingan juga akan dianalisis dalam bab ini. Pengkaji juga akan membincangkan penglibatan sosial murid dalam aktiviti yang dijalankan di sekolah seperti aktiviti berkaitan dengan budaya Cina serta persembahan yang perlu dipersembahkan oleh murid dan persembahan tersebut merupakan satu cabaran budaya bagi murid. Bagi bab terakhir iaitu bab 7, akan membincangkan implikasi kajian terhadap pendidikan multikulturalisme dan cadangan kajian lanjutan juga akan dibincangkan di bab ini.



BIBLIOGRAFI

- Ajangzad, A. (2013). Music Education For The Young Iranian Diaspora: Fostering cultural and lingual knowledge. Tesis PhD, Columbia University.
- Akl, L. (2010). A Qualitative Study of Eastern International Students' Adjustment to Western Culture and Western Pedagogy in a British University. Tesis PhD, Leicester University.
- Apple, M. W. (1980). The other side of the hidden curriculum: correspondence theories and the labour process. *Journal of Education*, 162: 47-66.
- Atkinson, P. (1985) *Language, Structure and Reproduction: An introduction to the sociology of Basil Bernstein*. London: Methuen.
- Atkins, L., & Wallace, S. (2012). *Qualitative Research In Education*. London: SAGE Publications Ltd.
- Bartleet, B. L. (2011). Stories of reconciliation: Building cross-cultural collaborations between indigenous musicians and undergraduate music students in tennant creek. *Australian Journal of Music Education*, (2), 11-21. Diperoleh daripada <http://search.proquest.com/> (diakses 15 Ogos 2014).
- Bearne, E., Dombey, Henrietta., & Grainger, T. (2003). *Classroom Interactions In Literacy*, Open University Press, McGraw-Hill House, Berkshire, England.
- Bernstein, B. (1975). Class and pedagogies: visible and invisible, in *Class, Codes and Control 3*: 116-56, London: Routledge; revised in the second edition, 1977
- Berardo, K. (2007). Alternatives to the U-Curve Model. Diperoleh daripada culturocity.com (diakses pada 5 Mei 2018).
- Bernstein, B. (1996). Pedagogy, symbolic control and identity. *British Journal of Sociology of Education*, 18(1), 119-124.
- Brewer, J. (2000). *Ethnography*. Buckingham: Open University Press. Blommaert, J., & Jie, D. (2010). *Ethnographic Fieldwork: A Beginner's Guide*. Bristol: Multilingual Matters.
- Chaban, N., Williams, A., Holland, M., Boyce, V., & Warner, F. (2009). *Crossing Cultural Borders: Analyzing Experiences of the NZ Return Migrants From the EU*. New Zealand: University of Canterbury.
- Chan, C. J. (2002). *The Musicking of Malay Folksongs in Ulu Tembeling and Its Implications on Music Education*. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia Press.

- Choate, R. A. (1968). Documentary Report of the Tanglewood Symposium, Music Educators National Conference. Washington, D.C.
- Cotton, D., Winter, J., & Bailey, I. (2013). Researching the hidden curriculum: intentional and unintended messages. *Journal of Geography in Higher Education*. 37(2), 192-203. Diperoleh daripada www.tandfonline.com/ (diakses 25 Mac 2015)
- Council for Research in Music Education. (1980). Jones, W. M. *Functions of music in music education since Tanglewood*. Bulletin of the Council for Research in Music Education, 63, 11–19.
- Guanipa, C. (1998). 'Culture shock. San Diego State Universiti. Diperoleh daripada <http://edweb.sdsu.edu/> (diakses 1 Mac 2015).
- Devers, C. J. (2009). *Students' perspectives and learning from a cross-cultural online course: The influence of a critical pedagogical approach*. Diperoleh daripada <http://search.proquest.com/> (diakses 1 November 2015)
- Du Gay, P. (1997). *Production of Culture/ Cultures of Production*. London: Sage/ The Open University.
- Essays, UK. (November 2013). Four Forms of Participant Observation: Ethical Issues. Diperoleh daripada <https://www.ukessays.com/> (diakses pada 15 Mac 2018)
- Furham, A., & Bochner, S. (1986). *Culture Shock: Psychological reactions to unfamiliar environment*. New York: Methuen & Co.
- Geertz, C. (2000). *Available Light: Anthropological Reflections on Philosophical Topics*. Princeton: Princeton University Press.
- Giroux, H. A., & McLaren, P. L. (1989). *Critical Pedagogy, the State, and Cultural Struggle*. Albany, New York: State University of New York Press.
- Glasby, T. (2000). "Teacher Constructions of Health: A Case Study of School Health Education in Queensland". Tesis PhD, University of Queensland, Brisbane.
- Gudykunst, W., & Ting-Toomey, S (1988). *Culture and interpersonal communication*. Nerbury Park, CA: Sage.
- Gullahorn, J. T., & Gullahorn, J.E. (1963). An Extension of the U-Curve Hypothesis. *Journal of Social Issues*. 19, 33-47.
- Hall, S. (1997). *Representation: cultural representations and signifying practices*. London: Sage/ The Open University

- Heuer., Jean, L., Bengiamin., & Marlene I. (2001). *American Nursing Students Experience Shock During A Short-Term International Program*. *Journal of Cultural Diversity*, 8(4). 128-134. Diperoleh daripada www.proquest.com/ (diakses 7 April 2018).
- Hofstede, G. (2001). *Culture's Consequences*, 2nd edn, Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Howell, S., & Talle, A. (2012). *Returns to the Field: Multitemporal Research and Contemporary Anthropology*. Bloomington, Ind., Universiti Indiana Press.
- Ilari, B., Chen-Hafteck, L., & Crawford, L. (2013). Singing and cultural understanding: *A Music Education Perspective*, 31(202). 202-216. Diperoleh daripada <http://ijm.sagepub.com/> (diakses 30 Mac 2014)
- Kim, Y.Y. (1988). *Communication and Cross Cultural Adaptation: An integrative theory*. University Michigan.
- Lipman, P. (2004). *High Stakes Education: Inequality, Globalization and Urban School Reform*. New York: Routledge.
- Lee, H. W. (2006). Perceptive of Expatriation and Cross Cultural Adjustment. *Journaa Global Business Management*, 2(1). Diperoleh daripada www.yumpu.com/ (diakses 5 Mei 2018).
- Lusted, D. (1986). Why Pedagogy? *Screen*, 27(5), 2–16. Diperoleh daripada <https://doi.org/> (diakses 9 Jun 2016).
- Lysgaard, S. (1955). 'Adjustment in a foreign society: Norwegian Fullbright grantees visiting the US'. *International Social Science Bulletin*, 7, 45-51.
- Madden, R. (2010). *Being Ethnographic: A Guide to the Theory and Practice of Ethnography*. London: Sage.
- Marmon, E. L. (2010). Cross-cultural field education: A transformative learning experience. *Christian Education Journal*, 7(1), 70-84. Diperoleh daripada <http://search.proquest.com/> (diakses 9 November 2015).
- Mendenhall, M.E., & Oddou, G. (1985). The Dimensions of Expatriate Acculturation, 10(1), 39-47. Diperoleh daripada <https://www.researchgate.net>
- Mills, D., & Morton, M. (2013). *Ethnography in Education*. London: SAGE Publications Ltd.
- Miyamoto, Y. (2002). Japanese Expatriate Children In California And The Culture Shock Experience: An Investigation Into The Roles Of Eudcation, Individualism, And Collectivism. Tesis PhD, Universiti San Diego State.
- Nur, H. C. B. A. (2005). Adaptasi Pembelajaran Bahasa Melayu Di IPTS. Tesis PhD,

Universiti Putra Malaysia.

Oberg, K. (1960). Culture shock: Adjustment to new cultural environments. *Practical Anthropology*, 7, 177-182.

Pike, K. (1954, 1955 & 1960). Language in relation to a unified theory of the structure of human behavior. Glendale: Summer Institute of Linguistics.

Rashidi, N., & Mozaffari, F. (2012). Education In Hope: On The Practice Of Critical Pedagogy In Iranian Postgraduate And Undergraduate Classrooms. *The Journal of Linguistic and Intercultural Education*. Diperoleh daripada <http://search.proquest.com/> (diakses 15 Julai 2015).

Ridaryanthi, M. (2009). Adaptasi Antarabangsa: Penghijrahan Pelajar Malaysia ke Indonesia. *Journal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rhinesmith, S. (1985). *Bringing home the world*. New York: Walsh & Co.

Sadovnik, A. (1991). Basil Bernstein's Theory of Pedagogic Practice: A Structuralist Approach. *Sociology of Education*, 64(1), 48-63.

Samovar, L. A. (2006). *Intercultural Communication: A reader*. University San Diego.

Schneider, S.C., & Barsoux, J. L. (2003). *The 4 Stages of Culture Shock*. United States: Prentice Hall.

Shannon-Baker, P. A. (2015). *Microaggressions, self-segregation, and performing gender: Exploring undergraduate students' culture shock in a study abroad program*. Tesis PhD, Cincinnati University.

Shaw, J. (2012). The skin that we sing: *Culturally Responsive Choral Music Education*, 98 (75), 75- 81. Diperoleh daripada <http://mej.sagepub.com/> (diakses pada 31 Mac 2014).

Small, C. (1998). *Musicking: The meanings of performing and listening*. Hanover: University Press of New England.

Soo, Y. K. (2011). Acquisition Of English Personal And Reflexive Pronouns By L1 Malay Speakers. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.

The Center for Comprehensive School Reform and Improvement. (December, 2006). *Issue Brief. School Culture: "The Hidden Curriculum."*. Washington, DC: Jerald, C. D.

Tinning, R. (2008). Pedagogy, Sport Pedagogy and the Field of Kinesiology. *Quest*, 60(3), 405-424.

Tu, Ming. (2009). The Effects of A Chinese Music Curriculum On Cultural Attitudes,

Tonal Discrimination, Singing Accuracy, And Acquisition Of Chinese Lyrics For Third-, Fourth-, And Fifth-Grade Students. Tesis PhD, Miami University.

Ward, C. A., Bochner, S., & Furnham, A. (2010). *The psychology of culture shock*. East Sussex, United Kingdom: Routledge.

Weigel, D. S. (1999). *Third-Culture Students: An exploratory study of transition in the first year of college*. Tesis Master. University Appalachian State.

Winkelman, M. (1994). Cultural Shock and Adaptation. *Journal of Counseling & Development*, 73, 121-126.

Zhang, W. S. (2017)). Hua Xiao Wu Yue Qi Xi Lie Jiao Xue Gai Ge. *orientaldaily*. Diperoleh dari <http://www.orientaldaily.com.my/> (diakses 6 Ogos 2017).

Zhang, W. S. (2017)). Fei Hua Xiao Du You Wei Xing Guo Xiao Duo Da 1200 Suo. *e-Nanyang*. Diperoleh daripada www.enanyang.my/(diakses 8 Ogos 2017).